

Sa-buah

\* Buku ini di-susun mengikut Sukatan Pélajaran Tanah Melayu untuk Sèkolah Mènengah, oleh sa-orang guru yang bérkèlulusan dan bérpengalaman.

\* Buku2 Siri ini, untuk tingkatan III, IV dan V telah mendapat pérhatian dan tahniah dari-pada Ustaz Haji Nik Mohyideen Musa A.M.N. sakéтика béliau mémangku jawatan Pèngètua Kolej Islam, dan juga di-tashekhan oleh Ustaz Hassan Saleh, B.A., Pénsharah Kolej Islam.

\* Kedua2 béliau mengalu2kan buku itu menjadi **panduan besar dan elok** kapada pélajar2 di-sèkolah mènengah mengikuti pélajaran **Sèjarah Islam**.

TINGKATAN II

(gikut Sukatan Fédéral)

Rengkasan Sejarah

PÉRJALANAN HIDUP

NABI MUHAMMAD (II)

BAHAGIAN KEDUA

(Dari Hijrah Hingga Wafat)

Ahmad Mahdi Mihad  
S. T. Kolej Islam Malaya.

دُقْرِبِيَّتْكَنْ أَوْلَه  
مكتبة الحاج عبدالله بن محمد نور الدين الرواوى  
أچين ستر بت، فينچ.  
55



## Rengkasan SEJARAH

# PERJALANAN HIDUP NABI MUHAMMAD (III)

BAHAGIAN KEDUA

(Dari Hijrah hingga wafat)

Karangan  
Ahmad Mahdi Mihad  
(Sijil Tertinggi, Kolej Islam Malaya)

Di-susun Mengikut Sukatan Pendidikan Federal

Untuk

TINGKATAN II

Sekolah2 Mennengah Persatuan Tanah Melayu.

## SIRI "RENGKASAN SĘJARAH ISLAM"

Khas Untuk Sękolah Ménęgah.

1. Pérjalanan Hidup Nabi Muhammad, Bahagian Pérta ma  
(Dari mula hingga bérhijrah) .... Tingkatan I
2. Pérjalanan Hidup Nabi Muhammad, Bahagian Kédua  
(Dari hijrah hingga wafat) .... Tingkatan II
3. Khulafa-ar-Rashidin (Abu Bakar, Omar, Othman,  
Ali) .... Tingkatan III
4. Kérajaan2 Bani Umayyah, Bani Abbasiah, Pérkembangan Islam dan Islam di-'Alam Mélalu .... Tingkatan IV
5. Tamaddun Islam dan Pérpéchahan Mazhab2 Dalam Sęjarah Pérundungan Islam .... Tingkatan V

Chetakan Pertama ... 1966

(Ségala Hak Terpölihara)

Di-térbitkan oleh Maktabah:  
**H. ABDULLAH B. M. NOORDIN ARRAWI**  
55, Acheen Street, P. Pinang.

(ii)

### SA-PATAH KATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Shukor dan pujian kapada Allah Tuhan sa-města, salawat dan sęjahtera di atas junjongan kita.

Ini-lah bahagian kēdua dari rengkasan Sirah hidup Nabi Muhammad rasul pilehan, di-susun oleh sa-orang guru yang maher dan bérpengalaman; untuk pélajar2 dalam Tingkatan (II).

SIRI "Rengkasan Sęjarah Islam" ini di-susun khas bérpandukan Sukatan Pélajaran Pérsekutuan — bahagian Sęjarah Islam — lengkap bagi pélajar2 sękolah ménęgah dari Tingkatan (I) hingga (V).

"Sunggoh pun kandongan2-nya agak rengkas, akan tětapi pérkara2 bésar dan péristiwa2 yang mustahak hampir di-térangkan. Risalah ini ada-lah ménjadi panduan bésar kapada pélajar2 sękolah ménęgah untuk mèngikuti pélajaran Sęjarah Islam yang tělah di-térapkan oleh Kérajaan bagi sękolah2 ménęgah." Démikan Ustaz Hassan Saleh, B. A. (Azhar), Pénsharah Kolej Islam, Malaya, mèngalu2kan buku SIRI ini untuk Tingkatan (III), (IV) dan (V).

Mudah2han SIRI ini mémənohi kěhendak guru2 dan pélajar2 sękolah ménęgah dan bér munafa'at dunia dan akhirat, ada-nya.

**(Yusof Arrawi)**  
Bagi Pehak Pénérbit

Pulau Pinang,  
12hb. J. Akhir, 1386  
27hb. September, 1966.

(iii)

## KANDONGAN-NYA

	<i>Muka Surat</i>
Aluan Penerbit	... (iii)
Persembahan Pengarang	... (vi)
Panduan Menggunakan Buku Ini	... 1- 2
Pelajaran (1) Yathrib Sabelum Hijrah. (Kedudokannya — penduduk dan pergaulan-nya — Ekonomi-nya — Ugama dan Ilmu pengertahanan).	... 3- 6
Latehan2 Kérja	... 7
„ (2) Négara Islam Pertama di-Yathrib. (Kérja pertama di-Madinah — Sikap Yahudi — Sikap mushrikin Makkah)	... 8-11
Latehan2 Kérja	... 11
„ (3) Pepérangan Badar. (Sébab-nya — Képutusan-nya — Layanan kepada orang2 tawanan — Pengajaran yang di-dapati). ... 12-14	
Latehan2 Kérja	... 15
„ (4) Pepérangan Uhud. (Sébab-nya — Kéjadiannya — Képutusan-nya — Pengajaran yang di-dapati). ... 16-20	
Latehan2 Kérja	... 20
„ (5) Pepérangan Khandaq. (Sébab-nya — Képutusan-nya — Pengajaran yang di-dapati). ... 21-24	
Latehan2 Kérja	... 24-25
„ (6) Pepérangan Bani Quraidzah. (Sébab-nya — Képutusan-nya). ... 26-27	
Latehan2 Kérja	... 28
„ (7) Perdamaian Hudaibiah. (Sébab-nya — Képutusan-nya — Késan perjanjian — Pengajaran yang di-dapati). ... 29-32	
Latehan2 Kérja	... 32

(iv)

	<i>Muka Surat</i>
Pelajaran (8) Pena'lokan Makkah (Sébab-nya — Képutusan-nya)	... 33-35
Latehan2 Kérja	... 35
„ (9) Pepérangan Hunain Dan Taif. (Sébab pepérangan Hunain — Képutusan-nya — Sébab pepérangan Taif — Képutusan-nya). ... 36-38	
Latehan2 Kérja	... 38
„ (10) Pepérangan Tabuk. (Sébab-nya — Képutusan-nya). ... 39-40	
Latehan2 Kérja	... 40-41
„ (11) Hajjat-ul-Wada' Dan Wafat-nya Nabi. ... 42-43	
Latehan2 Kérja	... 43
„ (12) Istéri2 Dan Anak2-nya. ... 44-45	
Latehan2 Kérja	... 45-46
„ (13) Sifat2 Képujian Nabi Muhammad. (Pergaulan-nya — Késabaran-nya — Siasahnya — Késimpulan 'am'). ... 47-50	

Di-chetak oleh:  
**THE UNITED PRESS**  
 29E, Dato Kramat Road, Pulau Pinang.

(v)

## PERSÉMBAHAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Hasrat untuk ménambahkan lagi bilangan buku2 pélajaran ugama Islam dalam mata pélajaran Séjarah Islam memang sudah lama tersimpan dalam dada saya sejak mula bertugas di-Sekolah Ménengah. Buat murid2 dalam Sekolah Ménengah Melayu memang ta' bagitu banyak kesulitan mengenai buku2 bahaan kerana mereka boleh membaca buku2 yang bertulisan Jawi dan sa-takat ini boleh dikatakan sa-jumlah besar buku2 pélajaran ugama yang terkarang untuk Sekolah2 Ménengah itu berchetak dengan tulisan Jawi.

Tetapi kedaan ini berlainan pula di-Sekolah2 Ménengah Inggeris. Sa-bahagian besar murid2 di-Sekolah Inggeris — sa-tahu saya — ta' bagitu pandai membaca tulisan Jawi. Ini menyebabkan kebanyakannya mata pélajaran yang di-ajarkan itu di-sajikan ménerusi tulisan rumi.

Sébab itu sa-bagi satu sumbangan yang chetek maka saya chuba ménunaikan hasrat saya itu dan buat julong kali-nya ini saya persémbahkan SIRI buku2 kecil dalam mata pélajaran Séjarah Islam mérupa rengkasan dan kerja. Buku ini ada-lah untuk murid2 dalam Tingkatan I hingga V di-Sekolah Ménengah Melayu/Inggeris. Buku ini saya persémbahkan dalam tulisan rumi supaya fa'edahnya méliputi sémua murid2 sama ada di-Sekolah2 Ménengah Melayu atau Inggeris. Harapan saya buku kecil ini akan membéri fa'edah kepada pembacha-nya.

Kapada Tuhan jua kita berharapkan taufik dan hidayah.

Salam hormat

Pengarang

(Ahmad Mahdi Mihad)

Guru Ugama,

Maktab Sultan Abdul Hamid,

Alor Star, Kedah,

Alor Star,  
pada 10hb. Ogos, 1963.

## PANDUAN MENGGUNAKAN BUKU INI

Dengan ikhlas saya katakan yang saya tidak bermaksud mengajar para guru2 ugama yang menggunakan buku ini supaya mengikut panduan yang saya terakan di-sini. Sa-béner-nya ini adalah bérupa satu chadangan dalam érti kata pélaksanaan pélajaran di-dalam darjah, kerana chara2 pélaksanaan pélajaran dalam darjah itu bukan hanya satu atau dua sahaja. Di-samping itu biar saya katakan bahawa chara menggunakan buku ini dalam darjah ada-lah térsérah kapada para guru2 yang mengajar. Buat saya sa-bagi penyusun hanya ingin mengemukakan chadangan ini untuk para guru yang ingin ménchuba. Chara ini télah pun pernah saya lakukan dalam chara penyampaian pélajaran dan hasil-nya mémuaskan.

Ta' payah di-suroh murid2 membaca isi pélajaran ini dalam darjah dengan bergilir2 kerana mérugikan masa. Mereka boleh membaca di-rumah sahaja sa-telah di-béri pénentuan oleh guru. Kalau pun héndak dilakukan biarlah sa-orang sahaja yang mém-bacha. Ikut-lah langkah2 berikut:

1. Soal apa yang mereka tahu berkénaan pélajaran itu pada perkara2 yang mudah sahaja.
2. Guru terangkan ringkasan isi (pati) pélajaran itu dengan jelas dan téror. Pusatkan perkara2 penting sahaja. Kalau pélajaran itu banyak, bahagi2kan kapada běberapa masa. Buat guru héndak-lah faham bétul2 apa yang akan diajarnya sa-bélu méné rangkan kapada murid2-nya.
3. Kalau isi pélajaran itu bérupa chérita, mithal-nya pépé-rangan atau satu2 péristiwa, boleh-lah di-galakkan murid2 sémua mengambil bahagian membuat ayat2 yang bersambung2 mengikut giliran. Kalau perlu bahagikan murid2 kapada běberapa kumpulan supaya tiap2 kumpulan itu bérumba2 membuat ayat untuk kéménangan kumpulan-nya.
4. Akhir-nya guru-lah yang membuat kesimpulan lagi sa-kali sa-bagi penutup.
5. Buka peluang menyoal.
6. Berubah pula kapada bahagian LATEHAN2 KÉRJA. Minta murid2 méménohkan tempat2 kosong. Kalau perlu

bahagikan mereka kepada beberapa kumpulan pula. Jangan benarkan murid2 mengisi tempat2 kosong itu dengan tulisan. Kalau hendak dilakukan, buatlah dalam rampaian. Kalau fikir baik boleh juga ditulis dengan pensel.

7. MĒRAMPALI. Guru tulis tajok besar dan tajok kecil dipapan hitam. Murid2 menjawab sendiri dalam buku rampaian. (Jangan dilakukan ini sa-bēlum murid2 faham bētul2 isi pelajaran).
8. Semak-lah buku2 rampaian itu dan bētulkan kesalahan.

#### PĒRINGATAN:

Mungkin langkah ini ta' dapat di-habiskan dalam satu waktu pelajaran. Sebab itu bahagi2kan kepada beberapa masa mengikut kebijaksanaan guru. Pērkara yang penting di-jaga biar-lah isi pelajaran itu berkait2an.

## PĒLAJARAN 1

### YATHRIB SA-BĒLUM HIJRAH

Yathrib ia-lah nama bagi Madinah sa-bēlum Nabi Muhammad bērhijrah ka-situ. Sa-telah Nabi bērhijrah tempat itu di-namakan "Madinatu Rasulillah" (مَدِينَةُ رَسُولِ اللَّهِ). Kēmudian di-rengkaskan sēbutan menjadi Madinah sahaja. Madinah juga di-sebut "Madinatul Munawwarah" (مَدِينَةُ الْمُنْوَّرَةِ).


Elok di-ketahui sērba rengkas mengenai kēadaan di-Yathrib sa-bēlum Hijrah. Dengan ini dapat-lah diketahui sa-jauh mana Islam bērjaya melakukannya perubahan dalam berbagai2 segi kehidupan penduduk2nya.

### KĒDUDOKAN DI-YATHRIB.

Yathrib ia-lah satu tempat yang terletak hala kautara bandar Makkah. (*Lihat rajah di-muka sa-bēlah*). Oleh kerana letaknya di-pertengahan jalan antara Makkah dengan Sham, maka ini juga menjadi tempat persinggahan penting bagi qafilah2 yang bērlalu lalang antara dua tempat itu. Tētapi Yathrib tidak-lah menjadi pusat pertemuan dagangan seperti Makkah.

### KĒADAAN PĒNDUDUK2 DAN PĒRGAOLAN-NYA.

Pēnduduk Yathrib terdiri daripada bangsa Arab. Antara mereka terdapat dua puak yang mashhor, ia-itu 'Aus dan Khazraj. Di-samping mereka terdapat juga bangsa Yahudi. Bangsa Yahudi ini juga banyak puaknya. Ada yang tinggal di-sekitar kota Yathrib itu dan ada yang tinggal di-kawasan luar-nya. Antara puak2 itu terdapat-lah Bani Nadzir, Bani Quraidzah dan Bani Qainuqa'. Kaum Yahudi ini berasal dari kaum pērانتauan dan pēdagang2 dari Pēlastin yang datang tinggal bērtētap di-Yathrib di-samping bangsa Arab itu.



Pergaolan orang2 Yathrib kuchar kachir. Bangsa Yahudi sëntiasa ménindas bangsa Arab denga sënjata riba-nya. Puak2 Arab pula 'ashek bërsëtëru2an antara satu sama lain. Sukar ménchapai përsëtujuan hidup yang bérpanjangan. Puak 'Aus dan Khazraj sélalu bér-pérang antara satu sama lain dan saling pula bërgantian kalah ménang. Pérkélahian mëreka ini bërpuncha dari-pada hasutan orang2 Yahudi yang sënhaja mëmpérlaga2kan. Tujuan mëreka bërbuat dëmikian supaya orang2 Arab itu tidak ada kësëmpatan untok mëmbérontak ka-atas mëreka. Ada kala-nya sémangat përsatuan puak2 Arab itu tèrbayang këjayaan-nya, tétapi sëgera di-péchah bélahkan oleh orang2 Yahudi. Dipujok-nya denga janji2 bénar dan palsu. Yahudi-lah pertama kali-nya mëmbéri tahu orang2 Arab Yathrib mëngënaï sa-orang rasul dari bangsa Arab yang akan munchul itu bérdasarkan kitab Taurat. Orang2 Arab përchaya bénar dan sëntiasa ménunggu2 masa këtibaan rasul itu. Sëbab itu-lah mëreka mudah mënrima ugama yang di-bawa oleh Nabi Muhammad dari Makkah itu. Tétapi Yahudi pula yang këmudian-nya chuba mëmadamkan këbénaran yang sudah tèrnyata itu denga mëmusohi Nabi sa-telah ia bërtétap di-Madinah.

#### EKONOMI PËNDUDOK2-NYA.

Sumber2 ekonomi pënduduk2 Yathrib agak lëbeh luas daripada pënduduk2 Makkah. Ini di-sëbabkan këadaan tanah-nya yang tèrdapat juga daerah2 yang boleh bërtanam chuchok. Orang2 Arab di-sini ada-lah kaum pënternak dan bërtani. Ada juga antara mëreka yang bërniaga. Banyak juga di-antara mëreka yang ménjadi buroh bagi kaum Yahudi yang kaya raya itu satélah harta-punya mëreka térgadai ménjadi mangsa riba. Orang2 Yahudi këbanyakan-nya kaya denga riba-nya itu. Këadaan mëreka yang mélampau2 denga riba itu sunggoh mënggëlisahkan bangsa Arab Yathrib. Tétapi mujor-lah kësulitan ini dapat di-përbaiki oleh Nabi satélah ia bërhijrah ka-situ.

**UGAMA DAN 'ILMU PENGÉTAHUAUAN.**

Orang2 Yahudi bérugama Yahudi, ia-itu ugama yang berasal dari shari'at Nabi Musa 'alaihis-salam yang ampunya kitab suchi Taurat. Tétapi sayang-nya ugama yang mèreka anuti kétika itu bukan lagi ugama yang tulin, bahkan tělah di-ubah2kan hukum2-nya mëngikut këhendak hawa nafsu mèreka. Yang halal di-haramkan dan sa-balek-nya. Kényataan ini ada-lah tersébut dalam Al-Qurân.

Ada pun orang2 Arab pada këselurohan-nya ada-lah bérugama Wathani (ményembah bérhala). Ada juga yang bérugama Nasrani dan Majusi. Ada juga yang ményem-hah chakarwala. Pëndek kata bërmacham2 këpér-chayaan lagi. Walau macham mana pun ugama Wathani memang tèrkénal di-kalangan mëkera. Mèreka juga turut bér'ibadat di-Ka'bah sa-tiap musim 'ibadat. Kétika mélakukan 'ibadat di-Makkah itu-lah mèreka dëngar bérita2 mëngénaï ugama Islam yang baru munchul itu.

Bërkénaan 'ilmu pengétahanan pula sama-lah këadaan-nya saperti pëndudok2 Makkah. Tèrdapat juga di-antara mèreka orang2 yang bijak dalam 'Ilmu Bintang, Firasat dan Qiafah. Bagitu juga tèrdapat di-kalangan mèreka ahli2 sha'er yang handal. Sa-lain dari-pada itu mèreka lëbeh mëndalam dalam hal 'ilmu pengétahanan yang bérhubong dëngan bérchuchok tanam bérbanding dëngan orang2 Arab di-Makkah. Mungkin ini di-sëbabkan oleh këadaan tèmpat mèreka itu saperti yang tèlah di-katakan bahawa këadaan tanah di-Yathrib agak lëbeh sësuai dëngan tumbohan bérbanding dëngan Makkah.

**LATEHAN2 KËRJA**

1. Yathrib ia-lah .....
2. Nama lain bagi Madinah ia-lah .....
3. Pëndudok2 Yathrib sa-bëlum Hijrah tèrdiri daripada dua bangsa ia-itu ..... dan .....
4. Këhidupan bangsa Arab di-Yathrib sëntiasa bërkëadaan kuchar kachir sëbab .....
5. Dua puak Arab di-Yathrib yang sëntiasa bërpërang antara satu sama lain itu ia-lah .....
6. Tujuan Yahudi mëлага2kan orang2 Arab ia-lah .....
7. Antara ugama yang di-anuti oleh pëndudok2 Yathrib ia-lah ..... dan .....

## PĚLAJARAN 2

### NĚGARA ISLAM PĚRTAMA DI-YATHRIB


Sa-telah kita ikuti kesah Hijrah Nabi dan tiba-nya di-Yathrib saperti mana yang telah di-térangkan dalam Buku I dahulu, maka sekarang mari-lah kita pělajari pula apa yang di-lakukan oleh Nabi Muhammad dalam usaha-nya měndirikan kěrajaan Islam yang pěrtama di-Madinah itu.

#### KĚRJA2 PĚRTAMA DI-MADINAH.

Sa-telah běrehat běberapa hari di-rumah Abu Ayyub Al-Ansari dan mělayani tětamu2 yang běrkunjung Nabi pun měmulakan kěrja2-nya di-Madinah. Antara kěrja2 pěrtama di-lakukan ia-lah:

1. Měngajak orang2 Islam měndirikan sa-buah masjid. Masjid yang pěrtama itu di-buat děngan batang dan pělepah2 tamar sahaja. Masjid ini di-jadikan těmpat tinggal sěmentara bagi orang2 Muhajirin (orang2 yang běrhijrah dari Makkah). Di-situ juga těmpat Nabi měngajar hukum2 ugama sa-lain daripada měnjadi těmpat běr'ibadat. Kěmudian ia měndirikan satu ruangan lain pula běrkembaran masjid itu sa-bagai těmpat tinggal-nya.
2. Sělesai měmbina masjid ia měngikat pěrsaudaraan antara orang2 Muhajirin děngan orang2 Ansar (orang2 Arab Madinah yang měmbéri pěrtolongan kapada Nabi dan orang2 Islam dari Makkah). Orang2 Ansar hěndaklah měnjamin kěhidupan orang2 Muhajirin sa-hingga měreka dapat běrdiri sěndiri. Ma'alom-lah orang2 Muhajirin itu orang2 pělarian yang ta' ada měmbawa harta-punya yang banyak untuk hidup di-Madinah.

3. Měnyatukan sa-mula puak2 Ansar yang běrsětu2an ia-itu 'Aus dan Khazraj. Měngajak měreka hidup aman dan damai děngan mělupakan sahaja pěrsětuuan yang tělah lalu.
4. Měngikat pěrjanjian damai antara orang2 Islam děngan orang2 Yahudi Madinah supaya hidup aman dan damai.
5. Měngajar dan měnjalankan undang2 Islam. Antara undang2 yang pěrtama di-jalankan di-Madinah, ia-lah mělarang orang2 Islam měmberi dan měněrima riba.



(Ruangan dalam Masjid Nabawi di-Madinah)

**SIKAP YAHUDI.**

Dengan ada-nya Nabi ménjadi kétua orang2 Arab Madinah, maka kedudukan pérbaikan mereka sa-makin sa-hari sa-makin baik dan tèrator. Mémandangkan ini orang2 Yahudi mula dengki dan hasad. Mula-lah mereka mémusohi Nabi dan orang2 Islam. Apa lagi sa-telah kedudukan ekonomi mereka kian hari kian merosot oleh kurang-nya pélanggan2 dari bangsa Arab. Akhir-nya mereka pun mélanggar pérjanjian damai denga Nabi. Mereka mènghasut orang2 Ansar supaya bénchikan Nabi dan mènganggap-nya pénjajah baru. Mereka api2-kan orang2 Arab itu supaya bangun mèmbérontak. Hasil dari hasutan mereka itu timbul-lah satu gulongan yang di-namakan munafik (orang yang bérpura2 Islam) dari kalangan orang2 Arab Ansar itu. Kétua-nya ia-lah Abdullah bin Ubai. Mereka ini hidup dan bérbaol denga orang2 Islam, tètapi hati mereka tidak sa-pènohnya Islam. Mereka ini-lah yang ménjadi musoh dalam sèlimut bagi masharifikat Islam di-Madinah itu.

**SIKAP MUSHRIKIN MAKKAH.**

Ada pun orang2 mushrikin Makkah sèjak tèrlépasnya Nabi dari képong-an mereka dahulu tidak-lah pérnah sénang hati, bahkan sèntiasa mènchari jalan untok mènghapuskan orang2 Islam di-Madinah. Tambah pula Madinah yang ménjadi tèmpat tinggal orang2 Islam itu lètak-nya di-tengah jalan qafilah antara Sham denga Makkah. Ini ménjadi késukaran bagi mereka pula untok pèrgi bérniaga di-nègéri Sham kérana tèrpaksa mélalui Madinah. Sèbab itu mereka rasa pènting sekali untok mènghapuskan orang2 Islam supaya sénang bérhalu lalang ka-Sham.

Gérakan mereka ini mèndapat sokongan pèngh dari pehak Yahudi di-Madinah dan orang2 munafik yang sa-memangnya sa-lama ini bérusaha denga giat-nya untok mènghapuskan orang2 Islam. Kéadaan ini bérakhir denga mélètus-nya běberapa pèpérangan yang bértau2 antara

orang2 Islam denga mereka. Tètapi denga kébijaksanaan Nabi dan tabah hati orang2 Islam tidak juga bérjaya mereka untok mènghapuskan ugama Islam, malah orang2 Islam pula yang bérjaya mènghapuskan mereka dari sa-masa ka-samasa.

\* \* \* \* \*

**LATEHAN2 KÉRJA**

1. Antara kérja2 pèrtama yang di-lakukan oleh Nabi kétika ia mula sampai ka-Yathrib ia-lah:
  - ( i ) .....
  - ( ii ) .....
  - ( iii ) .....
2. Mèsjid yang pèrtama di-Madinah itu di-gunakan untok:
  - ( i ) .....
  - ( ii ) .....
3. Undang2 Islam yang pèrtama di-jalankan oleh Nabi di-Madinah ia-lah: .....
4. Orang2 Yahudi bénchikan Nabi Muhammad sèbab .....  
.....
5. Munafik ia-lah: .....  
..... dan kétua mereka bérnama .....
6. Orang2 mushrikin Makkah mèrasai sukar bérniaga ka-Sham sèbab.....

## PĚLAJARAN 3

### PĚPĚRANGAN BADAR

Pěpěrangan Badar ia-lah pěpěrangan yang pěrtama sěkali běrlaku antara orang2 Islam děngan orang2 mushrikin Makkah. Pěpěrangan ini běrlaku di-lěmbah Badar pada tahun 2 Hijrah běrsamaan Tahun Masehi 624.

#### SĚBAB-NYA.

Qafilah dagangan mushrikin Makkah kěmbali dari Sham di-kětuaï oleh Abu Sufian. Kětika tiba běrhampiran děngan Madinah měreka dapat tahu bahawa sa-gulongan orang2 Islam Madinah běrsedia untok měnyékat měreka. Oleh kěrana bimbangkan harta běnda měreka daripada di-rampas oleh orang2 Islam, maka Abu Sufian pun měnghantar utusan ka-Makkah děngan sěgěra pěrgi běritahu Abu Jahal supaya sěgěra měmběri bantuan. Abu Jahal pun měngumpul orang2-nya lalu běrangkat ka-Madinah. Tětapi bělum pun sa-paroh jalan qafilah dagangan itu sampai sa-tělah lari měngikut jalan sa-bělah barat Madinah.

Abu Jahal ta' mahu undor daripada měnéruskan pěrjuangan kěrana sěmangat sudah běrnyala2. Apa lagi anak2 muda měreka sudah běrsiap děngan alat sěnjata. Fikir měreka bahawa kěmbali ka-bělakang sa-tělah mělangkah itu běrerti gagal. Akhir-nya měreka těrus běrgěrak ka-Madinah hingga sampai ka-pěrlěmbahan Badar. Di-situ-lah měreka běrhěnti untok měnyusun langkah.

Hal kěmaraan měreka di-kětahui oleh Nabi di-Madinah lalu ia sěgěra běrměshuarat děngan sahabat2-nya. Akhir-nya pěrsētujuan těrchapai ia-itu orang2 Islam kěluar měmpěrtahankan sěrangan di-luar kota

( 12 )

( 13 )

Madinah. Sa-tělah běrsiap kěluar-lah měreka měnuju ka-lěmbah Badar sa-ramai 313 orang untok mělawan mushrikin Makkah yang sa-ramai 1,000 orang itu.

#### KĚPUTUSAN-NYA.

Di-Badar pěrtēporan hebat běrlaku. Akhir-nya kalah těntéra mushrikin. Sa-ramai 70 orang těrbunoh dan 70 orang di-tawan oleh pehak Islam. Yang lain-nya lari pulang ka-Makkah. Hanya 12 orang těntéra Islam yang těrbunoh. Abu Jahal kětua angkatan mushrikin itu pun turut těrbunoh juga. Antara yang těrtawan pula těrdapat-lah kěluarga2 Nabi sěndiri ia-itu bapa saudara-nya Abbas bin Abdul Muttalib, měnantu-nya Abul-'As suami Zainab dan 'Uqail bin Abi Talib. Měreka ini turut sěrta dalam pěpěrangan itu oleh kěrana di-paksa oleh kětua2 mushrikin di-Makkah. Kalau tidak maka harta běnda měreka akan di-rampas. Sěbab itu badan měreka sahaja yang hadzir, tětapi hati měreka tidak běrniat untok běrpěrang.

#### LAYANAN KAPADA ORANG2 TAWANAN.

Orang2 tawanan mushrikin itu di-kěnakan hukuman yang saksama měngikut kěadaan měreka. Orang2 kaya di-městikan měněbus diri děngan harta běnda. Orang2 yang pa n d a i měmbacha dan měnulis di-hukum měngajar kanak2 Ansar. Tiap2 sa-orang měngajar sa-puloh orang ūkanak2 měmbacha dan měnulis. Yang měmělok ugama Islam di-bebaskan. Yang lain-nya městi běrsumpah tidak akan mělawan orang2 Islam lagi. Kěmudian měreka juga di-bebaskan.

#### PĚNGAJARAN YANG DI-DAPATI.

Kalau di-fikir sa-pintas lalu něschaya těrnyata bahawa hukum2 yang di-kěnakan ka-atas orang2 tawanan itu tidak měmběri fa'edah juá těrutama měněrima sumpah yang mungkin palsu sa-mata2 untok mělěpaskan diri. Bagitu juga těntang měněrima akuan

kēislaman-nya. Tétapi sa-balek-nya kalau di-fikir sa-dalam2-nya neschaya tērnyata kēbijaksanaan Nabi Muhammad itu. Harta bēnda yang di-jadikan tēbusan itu mēmbantu ekonomi orang2 Islam. Pēlajaran tulis mēnulis itu juga bērfa'edah bagi kanak2 Islam. Di-sabalek mēnērima sumpah dan mēngakuī kēislaman itu pula mēmbuktikan kēbaikan Islam dalam usaha mēnchari pērdamaian hidup. Memang Islam lahir ka-dunia untuk mēmimpin manusia kapada kēamanan bukan mēnchipta pērsētēuan. Kēadaan ini akhir-nya mēmbēri satu gambaran kapada fikiran mēreka tēntang kēbaikan ugama Islam sa-bagai ugama yang sunggoh2 mēnchintai pērdamaian hinggakan yang sa-patut-nya di-hukum bunoh tētapi maseh juga di-pērtimbang-rasakan. Hal ini-lah kēmudian-nya mēmpēngarohi sa-tengah2 orang mushrikin itu mēmēlok ugama Islam dēngan ikhlas hati mēreka lēbeh2 lagi apakala mēreka di-bēri layanan kēras oleh kētua musrikin di-Makkah itu.

Tindakan Nabi mēnērima tēbusan d a r i kaum kēluarga-nya, malah Zainab anak-nya yang mēnēbus suami-nya dēngan kalong leher pusaka ēmak-nya Khadijah itu mēmbuktikan, bahawa Nabi mēnjalankan kē'adilan dalam hukuman-nya. Hukuman Islam di-kēnakan sama 'sahaja ka-atas siapa pun dēngan tidak mēmandangkan pangkat atau kēturunan. Nabi Muhammad juga mēmbēri chontoh demokrasi dalam tindakan-nya bērmēshuarat dēngan sahabat2-nya dan orang2 Islam kētika mulaï hēndak kēluar bērpērang dahulu. Kēmudian ia mēngutamakan pēndapat orang ramai. Ini mēnunjokkan bahawa ia sēntiasa mēnhargaī fikiran2 baik sahabat2-nya walau pun ia sa-orang rasul.



### LATEHAN2 KĒRJA

1. Pēpērangan Badar bērlaku pada .....
2. Pēpērangan Badar bērlaku sēbab.....  
.....
3. Pēmimpin tēntēra mushrikin itu ia-lah .....  
dan bilangan tēntēra-nya sa-ramai..... orang.
4. Tēntēra Islam hanya.....orang.
5. Antara orang mushrikin yang tērbunoh dalam pēpērangan itu ia-lah .....
6. Sa-ramai.....orang tēntēra mushrikin tērbunoh dalam pepērangan itu manakala pehak Islam hanya.....orang.
7. Antara kēluarga Nabi yang tērtawan ia-lah:  
(i) .....  
(ii) .....
8. Hukum2 yang di-kēnakan ka-atas tawanan itu ia-lah:  
(i) .....  
(ii) .....
9. Nabi Muhammad mēnjalankan hukuman dēngan 'adil. Bukti-nya .....

## PĚLAJARAN 4

### PĚPĚRANGAN UHUD

Pěpěrangan Uhud běrlaku antara orang2 Islam Madinah děngan orang2 mushrikin Makkah. Pěpěrangan ini běrlaku di-kaki Bukit Uhud pada Tahun 3 Hijrah bersamaan Tahun 625 Masehi.

#### SĚBAB-NYA.

Orang2 mushrikin Makkah tělah běrsumpah untuk měněbus kěkalahan měreka dalam pěrang Badar dahulu. Di-samping itu běběrappa orang anak2 muda Makkah tělah běrsumpah hěndak měnuntut bela kěmatian bapa2 měreka dalam pěrang Badar dahulu. Antara měreka těrdapat-lah sa-orang pěrěmpuan ia-itu Hindun binti 'Utbah.

#### KĚJADIAN-NYA.

Těntéra mushrikin dari Makkah běrjaya měngumpul sa-ramai 3,000 orang běrgěrak měnuju ka-Madinah. Kali ini měreka měngambil langkah pěrtahanan di-kaki bukit Uhud. Měreka bawa juga běrsama měreka sa-jumlah kaum wanita yang ikut běrpěrang di-barisan bělakang. Harapan měreka běrbuat děmikian supaya orang2 měreka ta' mudah chabut lari apakala těrdapat juga wanita2 yang měmbéri sěmangat. Wanita2 ini pula měmbawa běrsama měreka alat2 bunyian yang di-mainkan guna měmbéri pěrangsang kapada pějuang2 měreka. Pehak Nabi pula apabila di-kětahui-nya měngěnai sěrangan mushrikin ini ia pun sěgera běrměshuarat děngan sahabat2-nya. Akhir-nya měreka juga kěluar měmpěrtahanan sěrangan di-luar kota Madinah. Těntéra Islam kali ini běrjumlah 1,000 orang sahaja. Tětapi těrdapat di-

( 16 )

( 17 )

dalam-nya sa-ramai 350 orang munafik, Orang2 munafik ini kěluar daripada barisan těntéra Islam sědang měreka běrgěrak měnuju ka-medan pěpěrangan. Jadi těntéra yang bětul2 měngambil bahagian dalam pěpěrangan ini hanya sa-jumlah 650 orang sahaja.


Di-medan pěrang těntéra mushrikin sudah sedia děngan susunan-nya. Měreka bahagikan těntéra měreka kapada tiga kumpulan měrupaï satu badan dan dua sayap. Tiap2 kumpulan itu ada sa-orang pěmimpin-nya. Pěmimpin sayap kiri ia-lah Khalid bin Al-Walid yang těrkěnal gagah itu. Pěmimpin sayap kanan pula ia-lah 'Ikrimah bin Abi Jahal, manakala di-tengah ia-lah Safwan bin Umayah. Hindun binti 'Utbah měmimpin těntéra wanita di-barisan bělakang.

Sa-tělah tiba těntéra Islam ka-medan pěpěrangan di-dapati měreka těntéra mushrikin tělah běrsëdia. Masing2 děngan kedudukan-nya yang tělah di-těntukan. Mělihat akan bilangan měreka yang banyak itu, Nabi pun běrpěsan kapada těntéra-nya supaya bětul2 patoh kapada pěrentah-nya děmi untok kějayaan. Tětapi dalam pada itu těrdapat juga suara2 takbor dan běsar-dirí dari kalangan orang2 Islam itu. Měreka měnganggap akan měnchapai kějayaan děngan mudah běrbanding děngan kějayaan měreka dalam pěrang Badar dahulu pada hal bilangan těntéra měreka jauh lěbeh sědikit.

Kěmudian Nabi pun měnyusun barisan pěrtahanan-nya. Sa-ramai 50 orang těntéra pěmanah yang handal di-těmpatkan di atas bukit Uhud untok měng-hujani sěrangan dari atas. Ia běrpěsan sunggoh2 supaya jangan sa-kali2 tinggalkan těmpat měreka hingga těr-chapai kěměnangan. Oleh kěrana bilangan těntéra yang bagitu sědikit, maka Nabi měněntukan yang lain-nya sěmua-nya běrpěrang sa-bagai satu kumpulan. Kěmudian sěrbuan pun di-lakukan děngan dahshat-nya.

Sa-tělah běběrappa lama běrpěrang těrnyata pehak mushrikin běrtambah undor ka-bělakang. Harta běnda

mereka habis tertinggal kerana masing2 ashek menangkis sérangan sahaja. Melihatkan harta benda yang banyak bersepah itu, timbul-lah perasaan tama' di-hati tentera2 pemanah di atas bukit tadi. Turun-lah mereka berébut2-kan harta itu. Hanya 10 orang sahaja yang tetap patoh kepada pesanan Nabi.



*Bukit Uhud: Di-lembah ini-lah berlaku-nya peperangan yang mashhor di mana Rasulullah bersama2 650 pejuang2 Islam menghadapi 3,000 orang mushrikin Makkah.*

Melihatkan itu maka Khalid bin Al-Walid pemimpin pasukan sayap kiri mushrikin tadi dengan diam2 mengépalai sa-bahagian tentera-nya menyusur kaki bukit Uhud lalu mengépong dari bélakang. Tentera pemanah yang sa-puloh orang itu habis mati di-bunoh. Kemudian turun pula mara ka-hadapan mengépong tentera Islam dari bélakang. Melihatkan ini kuchar ka chir-lah barisan tentera Islam. Dalam kedaan yang genting ini-lah Wahshi—hamba upahan Hindun itu—menikam Hamzah bin Abdul Muttalib dari bélakang. Sa-telah röhah Hindun pun ménérkam membélah perutnya dan memotong2 anggota-nya. Ramai tentera Islam yang chabut lari dari képongan itu. Tinggal hanya běberapa orang sahabat2 yang setia melindungi diri Nabi. Di-tengah2 pêkekan késukaan mushrikin itu terdengar-

lah suara laongan yang mengatakan Nabi Muhammad sudah mati di-bunoh. Maka berangkat-lah tentera mushrikin itu pulang dengan riang gembira-nya. Berkénaan Nabi tadi tidak-lah sa-bénar-nya di-bunoh, malah ia bérada dalam persembunyian sahabat2-nya. Hanya dahi dan lutut-nya luka térok.

#### KÉPUTUSAN-NYA.

Banyak juga ahli2 sejarah Islam dalam buku mereka tidak berterus tèrang mengatakan këkalahan bagi pehak tentera Islam dengan alasan, bahawa apa yang ménjadi tujuan besar mushrikin itu tidak tèrchapai oleh mereka ia-itu membunoh Nabi. Lébeh dari itu mereka tidak bérjaya ménalok Madinah. Tétapi sa-telah mengikuti kesah pepérangan tadi jelas-lah kapada kita untok menghukum siapa ménang dan siapa kalah. Kalau dipandang dari ségi kematian tentera neschaya térhukum bahawa tentera Islam yang kalah kerana 70 orang Islam telah térkorban dalam pepérangan itu manakala pehak mushrikin hanya bélasan orang sahaja. Kalau dipandang dari ségi tidak bérjaya-nya mushrikin membunoh Nabi yang sa-memang ménjadi tujuan utama mereka itu, maka di-hukumkan këgagalannya di-pehak mushrikin. Antara orang2 mushrikin yang mati terdapatlah Abu Lahab bin Abdul Muttalib ia-itu saudara kepada Hamzah yang mati di-pehak Islam tadi. Sémua mayat tentera Islam di-kébumikan di-kaki Bukit Uhud.

#### PENGJARAN YANG DI-DAPATI.

Banyak-lah pengajaran2 yang boleh di-ambil daripada këjadian ini. Antara-nya:

- ( i ) Ta'atkan pêrentah kétua ada-lah satu perkara yang penting dalam pepérangan untok ménchapai këjayaan. Melanggar pêrentah kétua boleh menyebabkan këgagalahan.
- ( ii ) Allah ménolong orang yang patoh kepada pêrentah-Nya. Melanggar pêrentah Rasul ada-

lah di-murkaï Allah dan burok padah-nya.

- (iii) Pērasaan bangga d ē n g a n kēbolehan dan kējayaan diri sēndiri itu ada-lah puncha yang mēnyēbabkan manusia ta' sēdar diri dan lupakan kēkuasaan Allah.

\* \* \* \*

### LATEHAN2 KĒRJA

1. Pēpērangan Uhud bērlaku pada .....
2. Bilangan tēntēra mushrikin dalam pēpērangan itu ia-lah .....
3. Bilangan tēntēra Islam.....orang tētapi.....orang daripada-nya orang munafik yang ta' turut bērpērang.
4. Pēmimpin tēntēra mushrikin yang mēnyēbabkan kējayaan bagi mēreka ia-lah .....
5. Pēmbunoh Hamzah yang di-upah oleh .....  
itu bērnama.....
6. Kētua mushrikin yang tērbunoh dalam pēpērangan itu ia-lah .....
7. Tēntēra mushrikin ta' mēndapat sa-pēnoh kējayaan dalam pēpērangan itu sēbab.....
8. Di-pandang dari sēgi bilangan kēmatian tērnyata-lah orang2 Islam mēnērima kēkalahan sēbab.....
9. Satu daripada pēngajaran yang boleh di-dapati daripada pēpērangan ini ia-lah.....

### PĒLAJARAN 5

#### PĒPĒRANGAN KHANDAQ

Pēpērangan ini bērlaku pada tahun 5 Hijrah bērsamaan 627 Masehi antara orang2 Islam Madinah dēngan tiga kaum yang mēnēntang Islam tērdiri daripada mushrikin Makkah, Yahudi Madinah dan orang2 munafik. Pēpērangan ini ada-lah di-anjorkan oleh Bani Nadzir, ia-itu satu daripada puak Yahudi di-Madinah yang kuat mēnēntang pērkembangan Islam. Pēpērangan ini di-namakan "Pēpērangan Khandaq" kērana dalam pēpērangan ini orang2 Islam Madinah mēnggali khandaq (Parit) di-sakēliling kota Madinah. Pērkataan (خندق) dalam bahasa Arab itu bērerti parit. Sa-lain dari ini maka pēpērangan ini juga di-namakan "Pēpērangan Ahzab". Pērkataan (أحزاب) dalam bahasa Arab itu bērerti puak2 yang banyak; ia-itu puak2 yang banyak bērgabong mēnjadi sa-puak yang bēsar.

#### SĒBAB-NYA.

Puak Yahudi Bani Nadzir di-Madinah tēlah mēng-hasut puak2 Yahudi lain-nya dan orang2 munafik supaya bēnchikan orang2 Islam. Mēreka juga mēmbuat pēr-hubongan dēngan mushrikin Makkah mēngajak mēreka bērsama2 mēnēntang orang2 Islam di-Madinah. Hasil dari pērhubongan ini tērchapai-lah pērsētujuan untuk mēngēpong kota Madinah.

#### KĒPUTUSAN-NYA.

Orang2 mushrikin Makkah dapat mēngumpul sa-ramai 10,000 orang tēntēra-nya. Sa-tēlah bērsēdia bēr-gērak-lah mēreka mēnuju ka-Madinah dēngan pēnoh harapan akan bēroleh kējayaan. Apabila hal kēbērang-

katan mēreka itu di-kētahui oleh Nabi, maka ia pun bēr-mēshuarat dēngan sahabat2-nya dan orang2 Islam. Dalam mēshuarat itu Salman Al-Farisi mēnchadangkan supaya di-gali khandaq di-sakēliling kota Madinah supaya sukar pehak sētēru yang akan datang dari bēr-bagai pēnjuru itu mēnghampiri kota Madinah. Kēmu-dian orang2 Islam akan bērsēmbunyi dalam kubu atau parit itu. Chadangan ini di-sētujuï oleh Nabi dan orang ramai lalu kērja pan di-mulakan. Nabi Muhammad sēndiri bēkērja bērsama2 orang2 Islam mēngangkat tanah hingga tērnyata kēlētehan-nya pada hari itu. Namun dēmikian ia sēntiasa kēlihatan gēmbira dan sēnyum dēng orang ramai.

Sa-tēlah angkatan mushrikin dari Makkah itu tiba ka-Madinah mēreka pun bērkhemah di-kawasan luar-nya di-tēngah padang pasir sambil mēnunggu2 sa-barang 'isharat dari pehak munafik dan Yahudi. Mēreka tērkējut bēsar mēlihatkan taktik pēpērangan orang2 Islam yang luar biasa kali ini. Mēkera dapati kota Madinah tēmpat orang2 Islam itu sēpi sahaja sa-akan2 ta' ada pēndudok-nya. Mēreka chuba mēninjau2 lēbeh dēkat. Akhir-nya mēngētahui-lah mēreka sēbab-nya kērana orang2 Islam sēmuah sudah bērsēdia dalam kubu yang mēngēlilingi Madinah itu. Sēbab itu mēreka mēnanti2 bērita dari pehak Yahudi sahaja.

Mēlihatkan kēadaan itu Nu'aim bin Mas'ud (sa-orang Yahudi yang baru mēmēlok ugama Islām) mēminta izin Nabi untuk mēnipyehak musoh supaya mēreka bērpēchah bēlah sama sēndiri. Nabi pun mēngizinkannya lalu pērgi-lah ia kapada puak mushrikin mēnērang-kan kapada mēreka, bahawa pehak Yahudi ta' dapat mēnēruskan pērjuangan bērsama mēreka. Kēmudian ia pērgi kapada Yahudi pula mēmbēri tahu mēreka, bahawa pehak mushrikin ta' muhū bērjuang bērsama mēreka, tētapi akan bērjuang sa-chara bērasingan. Orang2 munafik hanya mēnjadi musoh dalam sēlimut yang

tinggal bērsama2 orang2 Islam dalam kota Madinah. Mēreka hanya mēnanti kēsēmpatan akhir sahaja. Mēndēngarkan bērita yang di-bawa oleh Nu'aim tadi marah-lah orang2 mushrikin tērhadap sikap Yahudi itu lalu bērsiap-lah mēreka untok pulang. Tētapi bēlum sēmpat mēreka bērangkat, Allah yang Maha Pēkuasa mēnurunkan ribut yang dahshat mēmusnahkan harta bēnda mēreka itu. Banyak antara mēreka yang turut tērkorban. Dēngan ini gagal-lah juga akhir-nya rēn-changan mēreka untok mēnghapuskan Islam.

#### PĒNGAJARAN YANG DI-DAPATI.

1. Nabi Muhammad sēntiasa mēngamalkan chara demokrasi dalam langkahan kērja-nya kērana sēntiasa mēnhargai fikiran orang ramai untok mēngambil satu2 kēputusan. (Tidak-lah dalam sēmuah hal kērana ia mēndapat wahi dari Allah).
2. Mēminta fikiran orang lain itu ada-lah baik walau pun kita tahu untok mēlakukan satu2 pērkara itu.
3. Bērbohong untok kēsēlamatan 'umum ada-lah harus. Ini di-fahami dari tindakan Nabi Muhammad yang mēmbēnarkan Nu'aim bin Mas'ud mēnipyehak musoh dalam pēpērangan itu.
4. Kita tidak boleh mēnudoh sa-saorang itu kēluar dari ugama sa-lagi tidak ada bukti2 yang tērang. Tidak mēmada dēngan hanya mēndēngar aduan orang. Ini dapat di-faham dari tindakan-nya mēmbēnarkan orang2 munafik tinggal bērsama2 orang2 Islam dalam kota Madinah pada hal sa-tēngah2 orang Islam mēnchadangkan supaya mēreka itu di-buru kēluar. Kēadaan yang sama ini bērlaku juga kētika tēntéra Islam kēluar pērgi bērpērang di-

medan pērang Uhud dahulu kérana tindakan Nabi měmbénarkan Abdullah bin Ubai dan penyokong2-nya turut sama pērgi bērjuang. Tétapi oleh takutkan tērbuka pēkong, maka měreka sěndiri kēluar dari barisan sa-bēlum bērlaku pēpērangan.



### LATEHAN2 KĒRJA

1. Pēpērangan Khandaq bērlaku pada .....
2. Khandaq ērti-nya .....
3. Sébab bērlaku-nya pēpērangan Khandaq ia-lah.....
4. .....ia-lah orang yang mēngēshorkan supaya di-korek parit sa-kēliling kota Madinah.
5. Tujuan parit itu di-galikan ia-lah.....
6. Orang yang bērjaya mēnipyu pehak musoh hingga ta' bērlaku pēpērangan itu nama-nya ..... Dia ini bērasal daripada bangsa .....
7. Nu'aim mēnipyu orang2 mushrikin dēngan chara .....
8. Téntéra Ahzab itu akhir-nya musnah sēbab .....

9. Bērbohong untok kēmuslihatan mēmpērtahankan ugama ada-la-h harus. Ini di-faham dari tindakan Nabi Muhammad .....
10. Nabi Muhammad tidak městi mēngikut kēhendak orang ramai untok mēlakukan satu2 kērja kérana .....  
Tindakan-nya mēnghargaï fikiran orang ramai ada-la-h sa-bagai chontoh bēr'amal dēngan chara .....

## PELAJARAN 6

### PEPERANGAN BANI QURAIDZAH

Peperangan ini bernalaku sa-lépas sahaja sélésai sérangan tentera Ahzab dahulu. Kéjadian ini juga bernalaku dalam tahun yang sama ia-itu 5 Hijrah. Bani Quraidzah ini ada-lah satu daripada puak2 Yahudi yang tinggal di-kawasan Madinah.

#### SÉBAB-NYA.

Yahudi Bani Quraidzah ini menyokong tentera Ahzab dalam pepérangan Khandaq (Ahzab) dahulu. Ini ada-lah hasil hasutan Yahudi Bani Nadzir yang telah méranchangkan pepérangan itu. Oleh tindakan mereka mélanggar pérjanjian damai dengan orang2 Islam dengan menyokong tentera Ahzab itu maka Nabi Muhammad mémérangi mereka.

#### KÉPUTUSAN-NYA.

Nabi Muhammad bersama 3,000 orang2 Islam mengépong pérkampongan mereka. Mula2 mereka enggan menyérah kalah. Mereka ta' muhu keluár dari kawasan Madinah itu. Tétapi oleh rapi-nya képcngan itu akhir-nya mereka menyérah kalah. Mereka méraya kapada Nabi Muhammad supaya bértimbang rasa kapada mereka. Mereka mengaku akan keluár ménunggalkan pérkampongan itu saperti Bani Nadzir dahulu. Tétapi oleh mérbahaya-nya mereka ini, maka Nabi ta' dapat mempérkénankan kéhéndak mereka. Sa-bélum dari ini mereka sudah mélakukan bérbagai2 pérkara yang mengancham késélamatan orang2 Islam. Sébab itu kali ini mereka térpaksa di-hukum mengikut undang2 Islam. Tétapi mereka tidak rela pul'a di-hukum dengan

hukuman ugama lain sédangkan ugama mereka sëndiri lengkap dengan hukum2-nya. Untuk ménjatohkan hukum ini mereka pileh Sa'ad bin Mu'az untuk ménjatohkan hukum. Sa'ad ini 'alim dengan hukum2 dalam kitab Taurat. Harapan mereka bérbuat démikian supaya Sa'ad akan ménjatohkan hukum mengikut isi kitab Taurat yang telah mereka ubah2kan itu. Rupa-nya Sa'ad maseh lagi kuat ingatan-nya dengan isi kitab yang asal itu. Sa-telah di-pérsétujuï oleh Nabi, maka Sa'ad pun ménjatohkan hukum yang sa-memang-nya lébeh bérat daripada hukum dalam ugama Islam itu. Lélaki yang mélawan di-hukum bunoh. Pérempuan dan kanak2 dilayani sa-bagai orang tawanan, manakala harta benda mereka di-rampas menjadi hak milik orang2 Islam. Bukan main lagi menyéral mereka atas tindakan mereka sëndiri yang térsalah itu. Pada hal kalau mereka setujuï dengan undang2 Islam, maka tidak akan ménérima hukuman yang sa-bagitu bérat kerana Islam tidak membunoh orang2 tawanan-nya.

Patut di-ingat bahawa tindakan Nabi mémérangi Bani Quraidzah ini-lah yang di-anggap oleh ahli2 kétimoran sa-bagai satu kézaliman yang di-buat oleh Nabi ka-atas kaum Yahudi yang térlébeh dahulu bertetap di-Madinah daripada Nabi sëndiri. Sa-patut-nya orang yang lébeh awal di-suatu témpat itu ia lébeh bérhak dudok di-situ.

Bérkénaan ini di-jawab pula oleh ahli2 sëjarah Islam, bahawa pemburuan Bani Quraidzah itu bukan sa-mata2 kerana hasad dengki atau héndak ménjajah harta punya mereka, tétapi untuk mémpersémbahkan kapada mereka képutusan pérjanjian damai yang telah mereka setujuï kétika Nabi mula2 sampai ka-Madinah dahulu. Untuk hidup rukun dan damai, maka Nabi membuat pérjanjian itu dengan mereka. Tétapi mereka sëndiri yang ménchabul pérjanjian itu dengan mémulakan pérséteruan dengan orang2 Islam. Sébab itu térpaksa-lah mereka térima apa yana télah mereka setuju dahulu.

**LATEHAN2 KĒRJA**

1. Pēpērangan Bani Quraidzah bērlaku pada .....  
.....
2. Orang2 Islam mémérangi Yahudi Bani Quraidzah sēbab.....  
.....
3. Tēntēra Islam sa-ramai..... orang mēngēpong pērkampongan Bani Quraidzah.
4. Mēreka pileh .....untok mēnhukum mēreka.
5. Hukum yang di-jatohkan oleh Sa'ad itu ia-lah:
  - ( i ) .....
  - ( ii ) .....
  - ( iii ) .....
6. Kalau mēreka ménērima hukum Islam pun tidak akan sabagitu bērat saperti hukum Yahudi itu sēbab .....  
.....
7. Nabi Muhammad tidak zalim mēnghalau Bani Quraidzah kēluar daripada Madinah sēbab.....  
.....

**PĒLAJARAN 7****PĒRDAMAIAH HUDAIBIAH**

Pērdamaian Hudaibiah atau dalam bahasa Arab di-sebut (صلح الحديبة) ia-lah satu pērjanjian kēamanan yang bērlaku pada Tahun Hijrah yang kē-6 antara Nabi Muhammad dēngan pehak mushrikin Makkah. Pērjanjian ini di-lakukan di-satu tēmpat yang bērnama "Hudaibiah". Sēbab itu maka pērdamaian ini di-namakan "Pērdamaian Hudaibiah".

**SĒBAB-NYA.**

Nabi Muhammad dēngan sa-jumlah 1,400 orang Islam kēluar mēnuju ka-Makkah untok mēngērjakan 'umrah dan bēr'ibadat di-Ka'bah Makkah. Tētapi sa-telah mēreka tiba di-suatu tēmpat yang bērnama "Al-Hudaibiah" mēreka tēlah di-halang oleh pehak mushrikin Makkah. Nabi Muhammad mēnērangkan kapada pehak mushrikin itu, bahawa tujuan mēreka hēndak masok ka-Makkah bukan untok bērpērang, tētapi sa-mata2 untok bēr'ibadat di-Baitullah. Walau macham mana pun pehak mushrikin tētap juga tidak mēmbēnar-kan. Oleh tinggi kēsabaran dan sifat bērtolak ansor-nya, maka akhir-nya Nabi ménērima chadangan mēreka untok mēnanda-tangani satu pērjanjian dēngan mēreka.

**KĒPUTUSAN-NYA.**

Sa-telah Nabi dan orang2 Islam tiba di-Hudaibiah, maka ia pun mēnghantar wakil-nya, ia-itu Othman bin 'Affan untok masok pērgi bērjumpa dēngan Abu Sufian kētua mushrikin di-Makkah pada masa itu. Tētapi Othman pula di-tahan mēreka. Bērikutan itu bērtiup-lah bērita2 palsu mēngatakan Othman tēlah di-

bunoh. Hal ini mĕmbangkitkan kĕmarahan orang2 Islam sĕmua, lalu mĕreka pun mĕlakukan satu pĕrjanjian sĕtia antara orang2 Islam sĕmua untuk mĕmbela kĕmatian Othman yang di-katakan di-bunoh oleh pehak mushrikin itu. Pĕrjanjian sĕtia itu di-kĕnal dĕngan nama “Bai’atu Ar-Ridzuan” (بیان الرضوان).

Mĕlihatkan pĕrbuatan orang2 Islam mĕngadakan pĕrjanjian sĕtia itu, maka naik-lah pĕrasaan takut pula orang2 mushrikin itu. Mĕreka pun mĕlpaskan Othman bin ‘Affan dan di-utus bersama2-nya sa-orang wakil bagi pehak mĕreka untuk bĕrunding. Wakil mĕreka itu ia-lah Suhail bin ‘Amru. Sa-tĕlah bĕrunding bersetuju-lah kedua2 pehak mĕngadakan satu pĕrjanjian. Maka surat pĕrjanjian pun di-tulis oleh Othman bin ‘Affan. Isi2 pĕrjanjian itu ada-lah saperti bĕrikut:

- ( i ) Bĕrhĕnti pĕrang sa-lama sa-puloh tahun antara kĕdua2 pehak itu.
- ( ii ) Pehak Islam mĕsti mĕngĕmbalikan orang2 Makkah yang chuba pĕrgi minta pĕrlindongan orang2 Islam Madinah.
- ( iii ) Pehak mushrikin Makkah tidak mĕsti mĕngambilkan orang2 Islam yang masok ka-Makkah.
- ( iv ) Orang Islam Madinah boleh mĕngĕrjakan ‘umrah tahun hadapan.
- ( v ) Puak2 Arab yang lain bebas mĕngikat pĕrjanjian sĕtia dĕngan mana2 pehak mĕreka suka. Pĕnyiaran ugama ada-lah bebas.

Isi pĕrjanjian ini mĕnimbulkan rasa ta’ puas hati di-kalangan sa-tĕngah2 daripada orang2 Islam tĕrutama sĕkali Omar bin Al-Khattab kĕrana tĕrdapat sa-tĕngah daripada-nya tidak mĕndatangkan fa’edah bagi pehak Islam, malahan mĕrugikan sa-mata2. Ia ingin bĕrsuara

tĕtapi di-halang oleh Abu Bakar bin Abi Quhafah yang sĕntiasa mĕmbĕnarkan sahaja tindakan langkah Nabi itu. Sa-tĕlah sĕlĕsai pĕrjanjian itu orang2 Islam pun bĕrtolak kĕmbali ka-Madinah.

#### KĕSAN PĔRJANJIAN.

Sunggoh tinggi siasah Nabi sa-hingga tidak tĕrduga oleh siapa jua, bahawa isi pĕrjanjian itu akan mĕmbawa kapada kĕuntongan pehak Islam. Orang2 Islam yang di-tahan di-Makkah akan mĕmpĕngarohi orang2 di-situ dĕngan ‘amalan2 mĕreka dan pĕngajaran2 Islam yang suchi itu. Di-samping itu ia dapat mĕmbĕri tahu pehak orang2 Islam di-Madinah akan kĕdudukan orang2 mushrikin di-Makkah itu. Sa-makin sa-hari sa-makin mĕluas pĕngaroh itu sĕdangkan pĕrjanjian sudah di-buat tĕntang kĕbebasan mĕnyiarkan ugama. Sa-lain daripada itu Nabi pĕrchaya bahawa orang2 mushrikin ta’ akan patoh kapada janji mĕreka sa-lama2-nya. Mĕreka tĕtap akan bĕrsĕturu dĕngan orang2 Islam walau sa-chara sulit. Kĕadaan ini memang bĕnar tĕrjadi, ia-itu apabila pehak mushrikin mĕlanggar pĕrjanjian dĕngan chara mĕnolong Bani Bakar mĕlawan Bani Khuza‘ah. Bani Khuza‘ah ini mĕngikat pĕrjanjian sĕtia dĕngan pehak orang2 Islam Madinah. Hal ini mĕmbuka jalan bagi champor tangan yang ‘adil dari pehak Islam untuk mĕmbantu Bani Khuza‘ah mĕlawan Bani Bakar yang bĕrjanji sĕtia dĕngan pehak mushrikin itu. Bĕrpuncha dari sini-lah juga pehak Islam mĕlancharkan sĕrangan ka-atas mushrikin Makkah hingga mĕmbawa kapada tĕrta‘alok-nya Makkah.

#### PĔNGAJARAN YANG DI-DAPATI.

1. Nabi Muhammad ada-lah sa-orang yang tinggi darjat kĕsabaran dan sifat tolak ansor-nya dĕmi untok kĕamanan.
2. Siasah Nabi Muhammad sangat tinggi hingga

ta' dapat di-duga oleh siapa jua walau pun sahabat karib-nya sendiri.

3. Sifat késabaran dan bértolak ansor Nabi itu mëmpëngarohi orang2 Arab hingga mëreka bérani mëngikat janji sétia dëngan-nya walau pun mëreka bérlainan ugama.
4. Orang2 Islam harus mëngikat janji këamanan dëngan orang yang bukan Islam.

\* \* \* \* \*

#### LATEHAN2 KËRJA

1. Përdamaian Hudaibiah dalam bahasa Arab ia-lah: .....  
.....
2. Përdamaian ini di-namakan dëmikian sëbab.....  
.....
3. Bai'atu Ar-Ridzuan ia-lah .....
4. Wakil pehak mushrikin yang mënanda-tangani përdamaian itu bérnama.....
5. Antara isi përjanjian itu ia-lah:  
( i ) .....  
( ii ) .....
6. Përdamaian ini bérlaku pada .....  
di.....

#### PËLAJARAN 8

##### PËNA'KLOKAN MAKKAH


Makkah di-ta'loki oleh tëntéra Islam dalam Tahun Hijrah yang kë-8 bërsamaan 630 Masehi.

##### SËBAB-NYA.

Orang2 mushrikin Makkah mëlanggar përjanjian Hudaibiah kérana mënolong Bani Bakar mëlawan Bani Khuza'ah. Kérana pëngkhianatan mëreka ini, maka orang2 Islam ta' dapat lagi mëngakuï kuat kuasa përjanjian itu.

##### KËPUTUSAN-NYA.

Tëntéra Islam bérjumlah 10,000 orang bërgérak mënuju ka-Makkah di-këtuï oleh Nabi sëndiri. Apabila bérhampiran dëngan Makkah bërpëchah-lah tëntéra ini kapada dua kumpulan. Satu kumpulan masok ka-Makkah mélalui arah utara di-këtuai oleh Nabi sëndiri; manakala satu kumpulan lagi mélalui arah sëlatan di-këtuai oleh Khalid bin Al-Walid. Mëreka masok dëngan tidak mënërima apa2 tëntangan këchuali kumpulan yang mëngikuti arah sëlatan mënëmuï pënëntangan ringan. Tëtapi akhir-nya tëntéra Islam itu bérjaya juga. Orang2 mushrikin memang tidak bërsëmangat langsung untuk mëlawan tëntéra Islam yang bagitu banyak itu, malahan mënyérah kalah sahaja. Tidak këlihatan këtika itu këchuali muka2 yang puchat oleh këtakutan. Nabi Muhammad lagi sa-kali mënunjokkan këbijaksanaan-nya ia-itu mënëntukan tëmpat2 yang tërjamin bagi orang2 mushrikin itu bërkumpul supaya tidak di-lakukan barang këkërasan ka-atas diri mëreka. Tëmpat2 yang tërjamin sëlamat bagi mëreka, ia-lah masok ka-dalam



(*Masjid al-Haram di-Makkah dan di-tengahnya Ka'bah*)

rumah masing2 atau masok ka-rumah Abu Sufian kétua mereka atau tinggal di-Ka'bah. Siapa2 yang patoh kapada séruan ini, maka terselamat-lah diri-nya. Lébeh dari itu Nabi Muhammad dengan polisi-nya yang bijak télah mengatakan, bahawa siapa yang masok ka-rumah Abu Sufian di-kira aman. Séruan-nya itu di-sambut baik hingga dalam tempoh yang singkat sahaja di-dapati semua orang2 mushrikin sudah berkumpul di-témpat2 yang di-tentukan itu sa-olah2 ménanti hukuman sahaja. Sékang tertiunggu2-lah mereka dengan pénoh kétakutan untok ménenerima apa2 hukuman yang akan di-jatohkan oleh Nabi itu. Kétika itu datang-lah Abu Sufian mémohon di-ampunkan késalahan-nya dan jangan-lah di-pérsia2kan darah-nya. Nabi Muhammad ménérangkan bahawa ia di-utus bukan untok ménisia2kan darah manusia, tépati untok ménchipta këamanan. Kémudian ia mengampungkan ségala késalahan Abu Sufian itu. Oleh bésar hati-nya akan pengampunan itu, maka Abu Sufian pun menyatakan këislaman-nya. Kélakuan-nya itu diikuti oleh orang2 mushrikin yang lain-nya. Sëjak itu Makkah jatoh ka-tangan Islam. Ka'bah pun di-bérseh-

kan dari bérhala2. Sëjak itu hingga sekang Ka'bah mémainkan peranan-nya yang asal, ia-itu pusat 'ibadat hajji bagi umat Islam yang menyembah Allah.



### LATEHAN2 KËRJA

1. Makkah jatoh ka-tangan Islam pada .....  
.....
2. Téntéra Islam masok ka-Makkah mélaluï dua arah ia-itu arah  
..... dan arah .....
3. Pemimpin téntéra yang masok arah selatan ia-lah .....  
.....
4. Tiga témpat yang di-tentukan oleh Nabi supaya orang2 mushrikin berkumpul itu ia-iah:
  - ( i ) .....
  - ( ii ) .....
  - ( iii ) .....
5. Abu Sufian mémélok ugama Islam sëbab .....  
.....

## PĚLAJARAN 9

### PĚPĚRANGAN HUNAIN DAN TAIF

#### SĚBAB PĚPĚRANGAN HUNAIN.

Pěpěrangan Hunain ini běrlaku sa-lépas daripada pěna'lokan Makkah ia-itu dalam tahun yang sama. Sa-tělah Makkah di-ta'loki, hanya ada dua suku Arab yang běsar maseh chěkal hati dan měnéruskan pěrmusohan děngan Islam. Měreka ia-lah Suku Thaqif dan Suku Hawazin. Měreka běrmuafakat unto k mělakukan sěrangan ka-atas orang2 Islam.

#### KĚPUTUSAN-NYA.

Dua Suku Arab ini běrjaya měngumpul těntéra yang banyak. Sa-tělah běrsiap měreka pun kěluar di-ikuti děngan barisan wanita di-bělakang dan bina-tang2 těrnakan yang banyak guna měmbéri pěrang-sang supaya běrjuang běrmati2an měmpěrtahankan harta běnda itu.

Měnděngar itu Nabi Muhammad měměrentahkan sa-ramai 12,000 orang těntéra Islam unto k měněntang měreka. Kědua2 pasokan ini běrtěmu di-lembah Hunain lalu běrtěmpor děngan hebat-nya. Těntéra Islam yang měngandongi sa-jumlah běsar orang2 yang baru měmělok ugama Islam itu mulai běrpěchah bělah tatkala mělihat-kan bilangan mushrikin yang banyak itu. Hanya gulongan Muhajirin dan Ansar sahaja yang tětap měmpěrtahankan sěrangan. Pěpěrangan běrlaku těrus měněrus hingga těrbayang 'alamat2 kěkalahan pehak těntéra Islam. Mělihatkan kěběranian Muhajirin dan Ansar yang běrmati2an měmpěrtahankan kědudokan itu baru-lah timbul sěmangat pěrjuangan orang2 yang lain-nya lalu měreka měněrpa měmbéri sokongan pula hingga

akhir-nya dapat juga di-undorkan těntéra2 mushrikin itu. Banyak harta rampasan yang di-dapati dalam pěpěrangan ini, ia-itu di-taksirkan sa-banyak 24,000 ekor unta, lěbeh daripada 4,000 ekor kambing dan barang2 makanan.

#### SĚBAB PĚPĚRANGAN TAIF.

Pěpěrangan Taif ini běrlaku sa-bagai lanjutan dari-pada pěpěrangan Hunain dahulu. Orang2 mushrikin yang lari dari dalam pěpěrangan Hunain dahulu pěrgi běrkumpul di-Taif pula. Di-sini měreka měnyusun barisan sa-mula unto k mělanjutkan sěrangan.

#### KĚPUTUSAN-NYA.

Měmandangkan 'azam měreka yang kěras unto k měnyerang orang2 Islam itu Nabi Muhammad pun měngarahkan těntéra-nya měnuju ka-Taif. Kali ini di-lantek-nya Khalid bin Al-Walid (Khalid sudah měmělok ugama Islam) unto k měngěpalai sěrangan. Di-Taif orang2 mushrikin itu běrsěmbuni di-dalam kubu sambil mělancharkan sěrangan panah ka-atas těntéra Islam. Banyak juga těntéra Islam yang luka 'akibat tikaman anak panah itu. Antara měreka yang chědéra těrok itu těrmasok-lah Abdullah bin Abu Bakar, ia-itu anak bagi Saidina Abu Bakar sahabat Nabi, dan Abu Sufian bin Harb kětua mushrikin Makkah dahulu. Kětika ini Abu Sufian tělah měmělok ugama Islam. Pěrtahanan měreka itu sangat kuat hingga akhir-nya ta' běrjaya juga těntéra Islam měměchahkan-nya. Akhir-nya Nabi pun měměrentahkan těntéra Islam pulang sambil ia běrdo'a atas pěrmintaan sahabat2-nya supaya Allah měmbéri hidayah kapada měreka unto k měmělok ugama Islam.

Satu2-nya pěngajaran yang pěnting těrdapat dalam pěpěrangan ini ia-lah bahawa orang Islam boleh běrdo'a unto k orang kafir kalau hanya unto k měmohonkan Allah běri hidayah kapada-nya supaya ia měmělok ugama

Islam. Ada pun bérdo'a untok késélamatan-nya sédangkan ia kékal dalam këadaan shirik itu ada-lah di-larang sama sékali.

\* \* \* \*

### LATEHAN2 KËRJA

1. P  p  rangan Hunain ini b  rlaku di..... antara orang2 Islam d  ngan .....
2. Tujuan pehak musoh m  mbawa bersama harta b  nda m  reka dalam p  p  rangan itu ia-lah.....
3. T  nt  ra Islam sudah kuchar kachir dalam s  rangan yang pertama s  bab .....
4. P  p  rangan itu b  rakhir d  ngan k  m  nangan pehak.....
5. Nabi Muhammad m  lantek.....untok m  mimpin t  nt  ra Islam dalam p  p  rangan Taif.
6. Antara orang2 Islam yang luka t  rok dalam p  p  rangan Taif itu ia-lah:
  - (i) .....
  - (ii) .....
7. Satu daripada p  ngajaran yang boleh di-dapati dalam p  p  rangan ini ia-lah.....

### P  LAJARAN 10

### P  P  RANGAN TABUK

P  p  rangan Tabuk ini ada-lah satu p  p  rangan yang nyaris b  rlaku antara orang2 Islam d  ngan orang2 Rome. Ini-lah p  p  rangan yang pertama dalam s  jarah Islam di-antara dua bangsa ini. P  ristiwa ini t  rajdi pada tahun Hijrah yang k  s  mbilan.

### S  BAB-NYA.

K  rajaan Rome di-utara S  m  nanjong Tanah Arab m  rasa   churiga atas k  jayaan Islam dalam sa-tiap kali m  n  ntang lawan-nya. M  reka rasa khuwatir kalau2 t  nt  ra Islam itu m  ny  rang m  reka pula.

### K  PUTUSAN-NYA.

T  nt  ra Rome sa-ramai 40,000 orang b  rkumpul di-Sham di-bawah Hiraqlu untok m  ny  rang n  gara Islam. M  ndengar itu Nabi m  ngumpul sa-ramai 30,000 t  nt  ra-nya yang terdiri dari b  rbagai2 suku Arab di-Makkah dan Madinah. Oleh k  rana n  gara Islam masa itu m  ngalami k  marau, maka ekonomi-nya m  rosot. K  usahan m  ny  rang dari sa-g  nap segi. Tetapi m  mandangkan penting-nya m  mp  rtahankan n  gara, maka Nabi Muhammad pun m  ny  ru s  muia orang2 Islam b  rsukarela m  njadi t  nt  ra. K  rana p  p  rangan ini ada-lah di-antara bangsa d  ngan bangsa maka sudah sa-wajar-nya tiap2 orang yang b  rdarah Arab m  sti m  mp  rtahankan n  gara-nya. Untuk m  ny  lesaikan mas'alah k  sukaran hidup, maka Nabi pun m  nganjorkan supaya ahli2 d  rmawan m  nd  rma sa-kadar mungkin untok p  belanjaan p  p  rangan. S  ruan Nabi itu di-sambut baik dan banyak-lah harta2 yang di-terima daripada para

dērmawan. Antara orang2 yang mēndērma ia-lah:

- ( i ) Abu Bakar bin Abi Quhafah mēndērmakan sēmuia harta-nya.
- ( ii ) Omar bin Al-Khattab sa-paroh harta-nya.
- ( iii ) Othman bin Affan mēndērmakan sa-banyak 1,000 dinar, 300 ekor unta dan 50 ekor kuda.
- ( iv ) Orang2 pērēmpuan mēndērmakan barang2 pērhiasan mēreka. Orang2 yang lain-nya mēndērmakan sa-kadar yang tērdaya.

Dēngan harta2 ini mēnchukupi-lah untok pērēlanjaan orang2 sa-panjang pēpērangan ini.

Sa-tēlah pērsiapan di-buat bērangkat-lah mēreka ka-Tabuk. Tētapi sa-tēlah tiba sahaja tēntēra Islam ka-sana di-dapati tēntēra Rome tēlah mēngundorkan diri dari situ. Dēngan ini maka tidak-lah bērlaku sa-barang pērtēmporan juá.

#### LATEHAN2 KĒRJA

1. Pēpērangan Tabuk bērlaku pada .....  
sēbab .....
2. Sa-bēnar-nya bēlum bērlaku pērtēmporan dalam pēpērangan ini  
sēbab .....
3. Pēpērangan ini bērlaku antara ..... dēngan  
.....
4. Tēntēra Rome yang di-katakan akan mēlanggar nēgara Islam  
itu sa-ramai ..... orang.
5. Tēntēra Islam yang akan mēnēntangi mēreka itu bērjumlah  
..... orang.

6. Sēbab pun Nabi mēnganjorkan supaya orang2 Islam bērdērma untok kēgunaan pēpērangan kērana .. ....  
.....
7. Pēpērangan ini ada-lah pēnting bagi sēluroh bangsa Arab  
untok mēmpērtahankan nēgara-nya kērana .. ....  
.....

### HAJJAT-UL-WADA' DAN WAFAT-NYA NABI

Hajjat-ul-Wada' (حجۃ الوداع) dalam bahasa Arab-nya bérerti "Hajji Pérpisahan" ia-itu hajji yang akhir di-kérjakan oleh Nabi dalam hidup-nya. Hajji ini di-lakukan dalam tahun Hijrah yang késepuloh. Nabi bérangkat ka-Makkah dengen orang2 Islam sa-ramai 90,000 orang. Dalam masa měngérjakan hajji ini-lah turun-nya ayat yang pěnghabisan sa-bagai měmbuktikan sempurna-nya pérutusan Allah kapada Nabi Muhammad. Ayat itu ia-lah firman-Nya:

«اللَّيْوَمَ اكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَنْذَلْتُ عَلَيْكُمْ  
نِعْمَتِي وَرَضِيَتْ لَكُمُ الْإِسْلَامُ دِينَهُمْ»

Ęrti-nya: "Pada hari ini Aku sempurnakan untok mu ugama kamu, dan Aku sélesaikan ni'mat-Ku untok mu dan Aku rela-lah untok mu Islam sa-bagai ugama".

Dalam masa ini juga Nabi Muhammad měmbérikkan pidatu-nya yang těrakhir kapada sémua umat Islam di-Makkah měnyeru měreka bérpěgang těgoh dengen ajaran Islam. Ta' lama sa-tělah kěmbali-nya dari 'ibadat hajji itu maka Nabi pun wafat.

Nabi Muhammad wafat pada hari Ithnain 13 Rabi'ul Awwal Tahun 12 Hijrah sa-tělah gěring běberapa hari měngidapi děmam panas. Kětika itu ia bérada di-rumah 'Aishah binti Abu Bakar, istéri-nya yang těrmuda sěkali sa-tělah měndapat pěrsētujan dari isteri2-nya yang lain. Nabi Muhammad měninggal dunia kětika bérusia 63 tahun.

Kěmangkatan Nabi yang běrlaku dalam suasana yang bagitu těnang itu měměranjatkan sěluroh umat

Islam di-Madinah hingga Saidina Omar sěndiri pada mula-nya sa-laku ta' pěrchangakan kějadian itu. Dipěgang-nya sa-bilah pědang untok měměnggal leher sa-siapa yang měngatakan Nabi wafat. Tětapi kěadaannya kěmbali těnang sa-tělah Saidina Abu Bakar měng-sahkan běrita itu. Abu Bakar kěmudian-nya béruchap kapada orang2 Islam yang běrkumpul itu měnasihatkan měreka běrtěnang dan tětap bérpěgang těgoh dengen shari'at Islam yang di-tinggalkan oleh Nabi itu.



### LATEHAN2 KĚRJA

1. Hajjat-ul-Wada' ęrti-nya .....
2. Sěbab pun di-namakan děmikian kěrana.....  
.....
3. Hajjat-ul-Wada' ini běrlaku pada .....
4. Nabi Muhammad wafat pada.....
5. Kětika ia gěring itu ia bérada di-rumah .....
- .....
6. Kětika wafat 'umor Nabi ia-lah.....tahun.

## PĚLAJARAN 12

### ISTĚRI DAN ANAK2-NYA

Nabi Muhammad měmpunyaï 11 orang istéri sémua-nya. Istéri-nya yang pertama ia-lah Khadijah. Yang těrmuda sěkali 'umor-nya ia-lah 'Aishah binti Abu Bakar. Sémua-nya ada-lah janda kěchuali 'Aishah sahaja. Kětika Nabi wafat hanya tinggal sěmbilan orang sahaja. Nama2 istéri-nya itu ia-lah Khadijah binti Khuwailid, Sa'udah binti Zam'ah, 'Aishah binti Abu Bakar, Zainab binti Jahsh, Safiah binti Huyai, Hafsah binti Omar, Ramlah, Hindun, Juwairiah, Maimunah binti Al-Harith dan Mariah.

Nabi Muhammad tidak měmpunyaï anak děngan sémua istéri-nya itu kěchuali dua orang sahaja, ia-itu Khadijah dan Mariah. Anak2-nya sémua-nya tujoh orang, ia-itu tiga lělaki dan ēmpat pěrēmpuan. Sémua anak2 lělaki-nya měninggal dunia sějak kěchil lagi, manakala anak2 pěrēmpuan-nya sahaja yang hidup hingga dewasa. Ěnam orang anak2-nya itu dari Khadijah, manakala sa-orang lagi dari Mariah. Anak2-nya děngan Khadijah, ia-lah Qathim, Abdullah, Zainab, Raqiah, Ummu Kulthum dan Fatimah. Ada pun Ibrahim ia-lah anak děngan Mariah. Sémua anak2-nya itu měninggal dunia lěbeh dahulu daripada-nya sěndiri kěchuali Fatimah yang hidup hingga měnyaksikan kěsěluohan kěbésaran-nya. Fatimah běrkahwin děngan Saidina 'Ali dan běrputrakan Hasan dan Husain. Dari měreka ini-lah di-katakan běrtitis-nya kěturunan Nabi Muhammad itu. Zainab běrkahwin děngan Abul 'As Zaman Jahiliyah, manakala Raqiah dan Ummu Kulthum běrkahwin děngan Saidina Othman bin 'Affan sa-tělah sa-orang daripada-nya měninggal dunia.

(44)

(45)



(Al-Baqi': Tanah pěrkuboran di-Madinah di-mana sa-těngah anak2 Nabi dan banyak sahabat2 Rasulullah di-kěbumikan)

\* \* \* \*

### LATEHAN2 KĚRJA

1. Istéri2 Nabi Muhammad sémua-nya.....orang.
2. Istéri-nya yang těrtua sěkali ia-lah .....  
manakala yang těrmuda sěkali ia-lah.....
3. Anak Saidina Omar bin Al-Khattab yang di-kahwini-nya itu  
běrnama ..... manakala..... pula  
anak Saidina Abu Bakar.
4. Anak2 Nabi Muhammad sémua-nya.....orang. Nama2  
měreka ia-lah: .....

- .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....  
 5. Sēmuia istēri-nya itu janda kēchuali.....  
 6. Anak-nya Fatimah bērkahwin dēngan.....  
 dan bērputērakan .....dan.....

## PĒLAJARAN 13

## SIFAT2 KĒPUJIAN NABI MUHAMMAD

## SIFAT2 'AM.

Nabi Muhammad ada-lah sa-orang yang sēdērhana bēntok tuboh-nya. Warna kulit-nya hitam manis chērah (kēbiasaan warna kulit bangsa Arab). Kēning-nya lēbat dan mata-nya bērchēlak sēdia-kala. Dada-nya bidang dan gigi-nya tērsusun indah sukar di-lihat sēmuia-nya kētika ia sēnyum.

Nabi Muhammad tidak suka bērchakap kosong. Tutor kata-nya tērkawal. Ia bērchakap bila pērlu. Lidah-nya tērkawal daripada mēnutorkan chakapan yang sia2. Jarang kētawa dan kalau kētawa hanya sēdērhana. Nabi Muhammad bēnchikan kētawa bērdēkah2 kērana yang dēmikian mēmatikan ingatan. Bila bērjalan mata-nya mēmandang rēndah ka-hadapan. Lēbeh suka bērjalan di-bēlakang sahabat-nya a t a u bēringan. Mulut-nya sēntiasa bērzikir atau bērtasbeh. Mēmulakan tēgoran lēbeh dahulu kapada siapa jua yang di-tēmui-nya. Kalau orang Islam di-mulakan salam ka-atas-nya.

Pakaian-nya sēdērhana. Kalau tērkoyak maka ia sēndiri mēnjahit-nya. Kasut-nya yang tērkobak di-pērbaiki-nya. Ia mēnggēmari pakaian puteh dan sēntiasa di-lazimi-nya dalam hidup-nya.

Ia ta' sēgan untok mēmbuat sa-suatu pēkērjaan yang halal untok rēzéki hidup-nya walau pun murtabat-nya itu tinggi hinggakan ia sēndiri yang mēmērah susu kambing untok minuman-nya. Ia sangat hormatkan tētamu-nya bila2 masa jua. Bagitu juga jiran2-nya. Hak jiran itu di-pēlihara-nya walau pun orang itu bukan Islam.

Nabi Muhammad sangat kuat bér'ibadat tेrutama pada malam hari. Menghabiskan masa lapang-nya di-masjid dan sëntiasa mëmbacha Qur'an. Sëdia mëmbéri pëngajaran dan naëhat kapada siapa jua yang di-tëmuï-nya. Kalau ia di-marahi di-balas-nya dëngan do'a supaya Allah béri taufik dan përtunjok kapada orang itu. Makanan-nya sëdérhana dan bagitu juga tidor-nya sa-kadar mëlèpaskan pënati lëteh. Sëjak këchil ia ta' përnah mëngikuti përayaan këbésaran bérhala. Bagitu juga ia tidak makan sëmbélehan yang di-lakukan dëngan nama bérhala. Tidak suka méminta2 dari orang lain. Kalau përlu ia bérusaha sëndiri dëngan chara halal. Kalau di-béri di-tërima-nya dëngan pënolak këshukoran dan përasaan têr hutang budi.

#### PËRGAULAN-NYA.

Nabi Muhammad sëntiasa baik dëngan sa-siapa sahaja. Mëndahulukan tégoran kapada orang yang di-tëmuï-nya dan murah pula sënyum-nya. Tidak mëmbésar diri atau sompong dëngan këdudokan-nya. Sëntiasa mënghormati orang yang lëbeh tua dan mëlayani orang yang lëbeh muda. Mënunaikan jëmputan dëngan tidak mëngira pangkat dan darjat. Mënziarahi orang2 miskin dan mëmbantu mëreka. Mënziarahi jénazah dan mëngiringi-nya hingga ka-pérkuboran.

#### KËSABARAN-NYA.

Sëjak këchil Nabi Muhammad têrasoh dalam këhidupan yang pënolak pëndëritaan. Kalau kita ikuti riwayat hidup-nya dan pëndëritaan2 yang di-tëmpohi-nya nëschaya dapat kita katakan, bahawa Nabi Muhammad ada-lah bénar2 bérjuang dalam hidup-nya bér-senjatakan sabar. Sëjak di-lahirkan ia télah di-rundong duka. Ibu bapa-nya, datok-nya, juga anak2-nya mëninggal dunia bértalu2 satu dëmi satu. Sa-télah di-utus mënjadi Rasul ia mënrima angkara jahat mush-

rikin pula. Walau pun ia mëngalami bérbagai2 'azab 'akibat itu, tétapi dëngan kuat kësabaran-nya maka akhir-nya ia bérjaya juga. Pernah sahabat2-nya mëngshorkan supaya ia mëngambil tindakan balas ka-atas orang2 yang mëngancham kësélamatannya sa-télah ia bérkuasa di-Tanah Arab itu, tétapi ia ménolak malah mëngharapkan orang itu akan bériman dëngan-nya. Samemang-lah sësuai dëngan kërasulan-nya yang di-tugas-kan oleh Allah untok mëmpërbaiki akhlak manusia itu. Sëbab itu-lah walau sa-bérupa jahat manusia itu, ia tétap tidak putus asa bérusaha sa-hingga bérjaya.

#### SIASAH-NYA.

Dalam mënéruskan përjuangan mënégakkan ugama Islam Nabi Muhammad mënjalankan sëruan-nya dëngan chara yang halus. Kalau di-fikir sa-pintas lalu sa-olah2 ta' akan mëmbuahkan fa'edah yang bésar. Chontoh-nya ia-lah siasah-nya dalam hal mënanda tangani përjanjian di-Hudaibiah (sila fahami sa-mula chërita itu). Tétapi akhir-nya baru têrnyata këbijaksanaan-nya itu.

Sa-lëpas Pérang Badar Nabi Muhammad mëngampuni banyak daripada orang2 tawanan mushrikin dan mëmbebaskan mëreka pulang sa-télah hanya bërsumpah ta' akan mëlawan lagi. Banyak di-kalangan sahabat2-nya ta' puas hati dëngan tindakan-nya itu kërana tidak sa-timbal dëngan përbuatan mëreka. Tétapi ta' sa-orang yang bérani mëmbangkang-nya. Rupa-nya tindakan-nya itu mëmbuahkan këuntongan yang bésar pula hingga mëreka (mushrikin) dapat mëmbezakan sa-jauh mana baik-nya Nabi itu bérbanding dëngan këtua2 mëreka di-Makkah. Ini mënyëbabkan mëreka mudah bëraleh haluan hingga ta' sampai pun satu tahun, maka bilangan tëntéra Islam di-Madinah sudah bërtambah hampir tujoh ratus orang. Bukti-nya bilangan tëntéra yang mëngambil bahagian dalam pëpérangan Uhud, manakala dalam pëpérangan Badar hanya tiga ratus tiga bélas orang sahaja.

## KĒSIMPULAN 'AM.

1. Sa-orang yang hidup denga mēnanggong pēndēritaan itu tidak akan mēsti-nya ia akan tērus gagal sa-lama2-nya sēkira-nya ia kuat bērsabar.
2. Bala bēnchana yang mēnimpa ka-atas sa-saorang itu bukan-lah bērerti yang ia itu sa-orang yang jahat, malah ada kala-nya sa-bagai pērchubaan dari Allah Yang Maha Bēkuasa. Lēbeh2 lagi bagi sa-orang Rasul yang di-jadi-kan Allah untok tauladan kapada umat2-nya.
3. Bukan-lah kēmiskinan yang di-'alami oleh sa-saorang itu puncha kēgagalan untok mēnchapai kēbahagiaan di-sisi Allah.
4. Orang yang lēbeh tērok pēndēritaan-nya itu-lah yang lēbeh banyak kēinsafan-nya.
5. Bukan-lah jēnis pēkērjaan yang di-buat oleh sa-saorang itu mēnjadi ukoran tinggi rēndah murtabat-nya.
6. Kēsabaran itu-lah puncha kējayaan dalam hidup.
7. Budi pēkerti yang baik itu lēbeh mulia daripada harta yang banyak.
8. Orang yang sa-bēnar2-nya hidup ia-lah orang yang bērani mēnēmpoh pērjuangan hidup.

S Ē L Ē S A I